



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

SIARAN MEDIA

Pusat Khidmat Sehenti Pekerja Sabah Bakal Ditubuhkan & Majlis Penubuhan Buruh Sabah(SLAC) Kini Direalisasikan

KOTA KINABALU, SABAH – Menteri Sumber Manusia, YB Tuan Steven Sim Chee Keong telah mengadakan lawatan kerja ke Sabah Medical Services Union (SMSU) baru-baru ini sebagai sebahagian daripada usaha berterusan Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) untuk mendekati golongan pekerja serta memperkukuh perlindungan dan kebajikan pekerja di seluruh negara.

Dalam lawatan tersebut, YB Menteri mengumumkan **KESUMA akan menubuhkan Pusat Khidmat Sehenti Pekerja (One Stop Labour Service Centre) di Sabah, sebagai inisiatif baharu yang akan menyatukan pelbagai perkhidmatan berkaitan pekerjaan di bawah satu bumbung.** Sebelum ini, YB Menteri telah menyatakan perancangan menubuhkan tiga pusat sehenti perkhidmatan pekerja di Pulau Pinang, Lembah Klang dan Johor Bahru sebagai projek perintis. Penubuhan pusat di Sabah menandakan langkah terkini ke arah peluasan inisiatif ini ke seluruh negara. Beliau berharap pusat sehenti ini dapat direalisasikan dalam beberapa bulan akan datang.

“Kita akan wujudkan satu pusat sehenti di Sabah. Semua isu pekerja – sama ada Jabatan Tenaga Kerja (JTK), Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM), Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja Malaysia (JHEKS), PERKESO, dan sebagainya – boleh dirujuk di satu tempat sahaja. Tidak perlu lagi pekerja berulang-alik ke pelbagai pejabat,” ujar YB Menteri.

YB Menteri merakamkan penghargaan kepada SMSU yang telah berkhidmat selama lebih 60 tahun dalam memperjuangkan kebajikan pekerja, khususnya dalam sektor kesihatan Sabah. Beliau menyifatkan ahli-ahli SMSU sebagai “hero barisan hadapan” yang banyak berkorban semasa pandemik COVID-19.

Dalam ucapannya, YB Menteri turut menekankan bahawa antara pencapaian utama KESUMA ialah kelulusan Ordinan Buruh Sabah dan Ordinan Buruh Sarawak yang telah tertangguh lebih 20 tahun, dan akhirnya berjaya diluluskan oleh Parlimen pada tahun 2024. Langkah ini membolehkan penyelarasan hak dan perlindungan pekerja di seluruh negara.

“Kita tidak boleh membiarkan pekerja di Sabah dan Sarawak terus ketinggalan dari segi perlindungan. Maka, kejayaan meminda ordinan-ordinan ini bukanlah hasil usaha saya seorang, tetapi merupakan usaha bersama – Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), kesatuan-kesatuan sekerja, Kerajaan Negeri serta pegawai-pegawai KESUMA termasuk Pengarah JTK Sabah, Encik Wan Zulkifli Wan Setapa – yang tidak pernah berhenti memperjuangkan perkara ini,” jelas YB Menteri.

Akta Ordinan Buruh Sabah (Pindaan) 2025 dan Akta Ordinan Buruh Sarawak (Pindaan) 2025 telah berkuatkuasa bermula pada 1 Mei 2025, kecuali Bahagian IVA iaitu peruntukan khas berkaitan standard minimum perumahan, penginapan dan kemudahan pekerja.

Dalam perkembangan lain, **YB Menteri berasa gembira dengan kejayaan penubuhan Majlis Penubuhan Buruh Sabah atau Sabah Labour Advisory Council (SLAC) pada 13 Mei 2025, serta mengucapkan tahniah kepada Presiden SMSU, Ajulahin Japin, dan Setiausaha Eksekutif SMSU, Laurence Vun, atas pelantikan mereka sebagai Ahli SLAC pada tarikh tersebut.** Beliau turut memaklumkan bahawa Ajulahin kini juga merupakan Ahli Tetap Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan (NLAC) mulai 1 Mei 2025.

NLAC adalah merupakan satu platform tiga pihak (tripartite) iaitu majikan, pekerja dan kerajaan yang membincangkan isu-isu berkaitan dasar, perundangan dan amalan perburuhan di negara ini. Badan ini membolehkan Menteri Sumber Manusia mendapatkan nasihat, pandangan atau persetujuan mengenai perkara berkaitan perburuhan dan sumber manusia di negara ini.

Selain itu, YB Menteri berharap SMSU dapat meningkatkan bilangan keahlian daripada 8,000 kepada 10,000 orang, selaras dengan sasaran nasional untuk menggandakan jumlah ahli kesatuan sekerja daripada 1 juta kepada 2 juta.

“Masuk kesatuan bermaksud kita kuatkan suara pekerja. Dengan kuasa tawar-menawar yang seimbang, barulah kebajikan pekerja lebih terjamin,” katanya.

Untuk menggalakkan penyertaan dalam kesatuan, KESUMA telah melancarkan inisiatif Kad Pekerja MADANI yang menawarkan diskaun antara 10% hingga 30% di premis dan perniagaan terpilih. Usaha juga sedang giat dijalankan untuk melibatkan lebih banyak syarikat bagi memperluas manfaat kepada ahli-ahli kesatuan.

Dalam lawatan tersebut, YB Menteri turut memaklumkan bahawa SMSU menerima peruntukan sebanyak RM111,900 daripada Geran PHEKS bagi tahun 2025, berbanding RM33,000 pada tahun 2024 – peningkatan melebihi 260%. Perkembangan ini sejajar dengan peningkatan peruntukan keseluruhan geran PHEKS, iaitu daripada RM2.6 juta dalam Belanjawan 2023 kepada RM5.8 juta pada 2024, dan RM10 juta pada 2025.

Sebagai tanda sokongan tambahan, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Luyang merangkap Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan Sabah, YB Datuk Phoong Jin Zhe, turut mengumumkan peruntukan khas sebanyak RM5,000 kepada SMSU.

“Walaupun portfolio beliau berkait pelaburan, beliau tidak lupa kepada pekerja. Saya ucapkan terima kasih atas keprihatinan beliau,” kata YB Menteri.

Lawatan ini menggambarkan komitmen KESUMA dalam memperkasa suara pekerja, memperluas capaian perkhidmatan, dan menjadikan prinsip MADANI sebagai asas kepada pembangunan buruh yang saksama dan inklusif di seluruh negara.

Turut hadir dalam lawatan ini ialah:

- 1) Yang Arif Datuk Indra bin Haji Ayub
Pengerusi Mahkamah Perusahaan Cawangan Sabah
- 2) YB Dr. Kelvin Yii
Setiausaha Politik KESUMA merangkap Ahli Parlimen Kuching
- 3) Tuan Hj Wan Zulkifli bin Wan Setapa
Pengarah Tenaga Kerja Sabah
Selaku penyelarass KESUMA Sabah
- 4) Encik Azirruan bin Arifin
Timbalan Ketua Eksekutif (Operasi) Perkeso
- 5) Dato' Soon Lip Chee
Ahli Lembaga Pengarah HRDCorp
- 6) Encik Muhamad Hafez bin Kamaruddin
Ketua Bahagian Operasi Wilayah HRDCorp
- 7) Puan Noriani Ithnin
Pengarah, Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS) Sabah
- 8) Tuan Haji Zulkifly bin Sulaiman
Pengarah, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Sabah
- 9) Encik Sudin bin Abbas
Penolong Pengarah, Jabatan Perhubungan Perusahaan (JPP) Sabah
- 10) Dr. Mohd Ali bin Hindia
Pengarah Perkeso Sabah

11)Ts. Sudirman bin Hammade
Pengarah ADTEC JTM Kampus Kota Kinabalu, Sabah

12)Ts. Azmi Rahman bin Mat Zuini
ILP Sandakan, Sabah

13)Ts. Peter Wong
Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) Wilayah Sabah & W.P Labuan

14) Encik Hazrullizam bin Idris
Head of Sabah Region
HRDCorp

15) Encik Muhammad Fadhil bin Abu Bakar
Acting Senior Manager
Mewakili Pengurus NIOSH Sabah & WP Labuan

16) Encik Mohd Airy Arin
Pengerusi MTUC Sabah

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
2 JUN 2025

LAMPIRAN**LATAR BELAKANG KESUMA**

Kementerian Sumber Manusia atau singkatannya KESUMA adalah kementerian yang bertanggungjawab kepada pembangunan kemahiran, pekerjaan, keselamatan dan kesihatan pekerjaan, kesatuan sekerja, perhubungan perusahaan, maklumat dan analisis pasaran buruh dan keselamatan sosial.

PERANAN & TANGGUNGJAWAB KESUMA

Membangunkan dan melahirkan modal insan yang kompeten, produktif, responsif dan berdaya tahan dalam pasaran buruh negara ke arah meningkatkan produktiviti negara. Memastikan kelancaran operasi pasaran buruh negara. Meningkatkan kebolehpekerjaan dan penggajian tenaga kerja tempatan bagi memenuhi keperluan pasaran kerja negara. Memastikan perhubungan perusahaan yang harmoni dan kondusif. Mengutamakan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Memastikan jaringan keselamatan sosial yang komprehensif, dinamik dan progresif.

JABATAN DAN AGENSI DI BAWAH KESUMA

JABATAN	AGENSI
Jabatan Tenaga Manusia (JTM)	Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)
Mahkamah Perusahaan Malaysia (MPM)	Institut Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH)
Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)	Human Resources Development Corporation (HRDC)
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)	Talent Corporation Malaysia Berhad (TALENTCORP)
Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM)	Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)
Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM)	
Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS)	
Jabatan Tenaga Kerja Sabah	
Jabatan Tenaga Kerja Sarawak	